

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, MAC 2025

Perbelanjaan musim perayaan, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) mendorong jualan Perdagangan borong & runcit meningkat 5.7 peratus kepada RM 154.0 bilion

PUTRAJAYA, 13 MEI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan laporan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MAC 2025**. Perdagangan borong & runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM154.0 bilion pada Mac, merekodkan pertumbuhan 5.7 peratus tahun ke tahun.

Dalam satu kenyataan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan jualan pada Mac didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong. Perdagangan runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM67.0 bilion, peningkatan RM4.2 bilion dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 6.6 peratus. Perdagangan borong pula mencatatkan jumlah jualan RM67.8 bilion, meningkat RM3.7 bilion, dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak

5.7 peratus. Sementara itu, subsektor Kenderaan bermotor merekodkan jualan berjumlah RM19.2 bilion, peningkatan RM0.4 bilion atau 2.3 peratus tahun ke tahun.”

Mengulas lanjut prestasi subsektor Perdagangan runcit, Dato’ Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin menjelaskan bahawa pertumbuhan ini didorong oleh prestasi jualan yang memberangsangkan dalam pelbagai kumpulan, berikutan persiapan musim perayaan dan peningkatan perbelanjaan sepanjang bulan Ramadan. Pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri serta agihan RM1.7 bilion melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) telah menggalakkan aktiviti pengguna. Pemberian ini menyumbang kepada kenaikan jumlah pengunjung di pasar raya, pusat beli-belah dan premis runcit yang lain. Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan meningkat 6.5 peratus kepada RM25.8 bilion, manakala Jualan runcit di kedai pengkhususan meningkat 7.3 peratus kepada RM14.2 bilion disumbangkan oleh peningkatan jualan dalam beberapa industri. Ini termasuk Jualan runcit pakaian, artikel bagi bulu binatang dan aksesori pakaian, Jualan runcit di kedai khusus yang menjual barang farmaseutikal, perubatan dan ortopedik, Jualan runcit di kedai khusus yang menjual pewangi, kosmetik dan kelengkapan dandanan diri serta Jualan runcit barang kemas. Selain itu, Jualan runcit barangan isi rumah meningkat 5.8 peratus kepada RM7.6 bilion, manakala Jualan runcit bahan api kenderaan melonjak 7.9 peratus kepada RM6.2 bilion, didorong oleh perjalanan merentas negeri sempena bulan Ramadhan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di kedai khusus turut meningkat iaitu sebanyak 8.1 peratus kepada RM4.3 bilion. Antara penyumbang utama adalah Jualan runcit beras, tepung, bijirin lain dan gula serta Jualan runcit sayur-sayuran dan buah-buahan segar atau yang diawet.

Pada Mac 2025, subsektor Perdagangan borong kekal kukuh, disokong oleh permintaan domestik terhadap produk berkaitan isi rumah dan barangan makanan

terutamanya sempena musim perayaan. Menurut Ketua Perangkawan, Jualan borong barangan isi rumah meningkat sebanyak 7.6 peratus kepada RM14.5 bilion, didorong terutamanya oleh peningkatan jualan dalam industri Jualan borong farmaseutikal dan perubatan, minyak wangi, kosmetik, sabun dan dandadan diri serta barang kemas. Jualan borong makanan, minuman & tembakau turut mencatatkan peningkatan, dengan pertumbuhan 7.7 peratus tahun ke tahun, mencapai RM14.0 bilion. Begitu juga, Lain-lain pengkhususan jualan borong menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini dengan peningkatan sebanyak 2.5 peratus kepada RM24.7 bilion, dipacu terutamanya oleh jualan yang berkaitan kemasan rumah.

Dalam tempoh yang sama, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan jualan berbanding Mac tahun lalu, disokong oleh kenaikan 4.1 peratus dalam Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor kepada RM5.2 bilion. Ini diikuti dengan pertumbuhan 1.5 peratus dalam Jualan kenderaan bermotor, mencecah RM10.1 bilion. Trend yang sama turut dilaporkan oleh Persatuan Automotif Malaysia (MAA), yang merekodkan jualan sebanyak 72,704 unit kenderaan berbanding 71,199 unit kenderaan pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melaporkan sebanyak 77,121 pendaftaran kenderaan, lebih tinggi berbanding 75,067 pendaftaran yang dicatatkan tahun lalu. Peningkatan pembelian pada bulan ini sebahagiannya disumbangkan oleh menarik yang ditawarkan oleh syarikat automotif sempena musim perayaan.

Jualan runcit dalam talian pada Mac menunjukkan peningkatan dengan indeks meningkat 7.1 peratus tahun ke tahun disumbangkan oleh promosi sempena perayaan. Selepas pelarasan musim, indeks merekodkan pertumbuhan 4.2 peratus bulan ke bulan.

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan peningkatan 5.0 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 6.3 peratus diikuti oleh Perdagangan runcit yang mencatatkan peningkatan 4.9 peratus. Sementara itu, Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan marginal 0.9 peratus pada bulan ini. Selepas pelarasan musim, indeks volum mencatatkan peningkatan bulanan 0.3 peratus berbanding Februari 2025.


Sektor Perdagangan borong & runcit Malaysia terus mencatatkan prestasi kukuh pada Mac 2025, dipacu oleh pertumbuhan tahun ke tahun yang memberangsangkan dalam kedua-dua subsektor Perdagangan borong dan Perdagangan runcit. Segmen Perdagangan runcit mendapat manfaat daripada perbelanjaan berkaitan perayaan dan inisiatif bantuan tunai, manakala segmen Perdagangan borong disokong oleh peningkatan permintaan terhadap barangan isi rumah dan makanan. Subsektor Kenderaan bermotor turut merekodkan pertumbuhan yang stabil, didorong oleh peningkatan jualan dan pendaftaran kenderaan berikutan promosi sempena musim perayaan. Sektor ini dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan serta sentimen positif pengguna yang berterusan.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit




Carta 2: Nilai Jualan Perdagangan Borong




Carta 3: Nilai Jualan Perdagangan Runcit



Carta 4: Nilai Jualan Kenderaan Bermotor



Carta 5: Indeks Jualan Runcit Dalam Talian



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 MEI 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA, MARCH 2025

***Festive season spending, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri, and
Sumbangan Tunai Rahmah (STR) led to a 5.7 per cent increase in
Wholesale & retail trade sales, reaching RM154.0 billion***

PUTRAJAYA, MAY 13, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today released the ***PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MARCH 2025*** report. Wholesale & retail trade recorded total sales of RM154.0 billion in March, marking a year-on-year growth of 5.7 per cent.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Sales growth in March was primarily driven by the Retail trade and Wholesale trade sub-sectors. The Retail trade sub-sector registered total sales of RM67.0 billion, marking an increase of RM4.2 billion and a year-on-year growth rate of 6.6 per cent. The Wholesale trade sub-sector posted total sales of RM67.8 billion, reflecting a rise of RM3.7 billion and a year-on-year growth of 5.7 per cent. Meanwhile, the Motor vehicles sub-sector recorded sales of RM19.2 billion, representing an increase of RM0.4 billion or 2.3 per cent on a

year-on-year basis.”

Elaborating on the performance of the Retail trade sub-sector, Dato’ Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin emphasized that the growth was underpinned by strong performance across various categories, driven by festive season preparations and increased spending during Ramadan. The disbursement of Special Aidilfitri Assistance followed by RM1.7 billion under the Sumbangan Tunai Rahmah (STR) significantly boosted consumer activity. This led to higher consumers traffic in supermarkets, shopping malls, and other retail outlets. Retail sales in non-specialised stores increased by 6.5 per cent to RM25.8 billion, while Retail sales in specialised stores grew by 7.3 per cent to RM14.2 billion, driven by higher sales in several industries. These included the Retail sale of articles of clothing, articles of fur and clothing accessories, Stores specialized in retail sale of pharmaceuticals, medical and orthopaedic goods, Stores specialized in retail sale of perfumery, cosmetic and toilet articles, as well as the Retail sales of jewellery. Additionally, Retail sales of household goods rose by 5.8 per cent to RM7.6 billion, while Retail sales of automotive fuel climbed 7.9 per cent to RM6.2 billion, supported by heightened intercity travels during the month of Ramadan and the Hari Raya Aidilfitri celebrations. Retail sales of food, beverages, and tobacco in specialised stores rose by 8.1 per cent to RM4.3 billion. Among the main contributors were Retail sale of rice, flour, other grains, and sugar, as well as Retail sales of fresh or preserved vegetables and fruits.

In March 2025, the Wholesale trade sub-sector remained strong, supported by domestic demand for household-related products and food items, particularly in conjunction with the festive season. According to the Chief Statistician, Wholesale of household goods rose by 7.6 per cent to RM14.5 billion, primarily driven by increased sales in industries such as the wholesale of pharmaceutical and medical goods, perfumeries, cosmetics, soap and toiletries, as well as jewellery. Wholesale

of food, beverages & tobacco also recorded an increase, with a year-on-year growth of 7.7 per cent, reaching RM14.0 billion. Similarly, Other specialised wholesale trade also contributed to the growth of this sub-sector, with a 2.5 per cent increase to RM24.7 billion, mainly driven by sales related to house finishings.

During the same period, the Motor vehicles sub-sector recorded an increase in sales compared to March of the previous year, supported by a 4.1 per cent rise in Sales of motor vehicle parts & accessories, amounting to RM5.2 billion. This was followed by a 1.5 per cent growth in Sales of motor vehicle, reaching RM10.1 billion. A similar trend was reported by the Malaysian Automotive Association (MAA), which recorded sales of 72,704 vehicles compared to 71,199 vehicles in the previous year. Meanwhile, the Road Transport Department (JPJ) reported 77,121 vehicle registrations, higher than the 75,067 registrations recorded last year. The increase in purchases this month was partly driven by attractive promotional offers from automotive companies in conjunction with the festive period.

Online retail sales in March showed an increase, with the index rose by 7.1 per cent year-on-year, driven by festive promotions. After seasonal adjustment, the index recorded a month-on-month growth of 4.2 per cent.

In terms of volume index, Wholesale & retail trade recorded a year-on-year increase of 5.0 per cent. This growth was mainly driven by the Wholesale trade sub-sector, which rose by 6.3 per cent, followed by Retail trade with a 4.9 per cent increase. Meanwhile, the Motor vehicles sub-sector recorded a marginal increase of 0.9 per cent in this month. After seasonal adjustment, the volume index posted a month-on-month increase of 0.3 per cent compared to February 2025.

Malaysia's Wholesale & retail trade sector continued to register strong performance in March 2025, driven by solid year-on-year growth in both the Wholesale trade and Retail trade sub-sectors. The Retail segment benefitted from festive-related spending and cash assistance initiatives, while the Wholesale segment was bolstered by heightened demand for household goods and food items. The Motor vehicles sub-sector also recorded steady growth, supported by increased vehicle sales and registrations in conjunction with festive promotions. Moving forward, the sector is expected to maintain its growth trajectory, supported by resilient domestic demand and continued positive sentiment.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Sales Value of Wholesale & Retail Trade




Chart 2: Sales Value of Wholesale Trade




Chart 3: Sales Value of Retail Trade




Chart 4: Sales Value of Motor Vehicles





Chart 5: Index of Online Retail Sales



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 MAY 2025